

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)24

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

24. Nyatakan jangkaan kos LRT Pulau Pinang, bila kerja akan bermula serta tempat terlibat yang akan memudaratkan kesesakan trafik dan berapa lama tempoh kerjanya.
- (a) Bolehkah kerja pembinaan yang dijadualkan pada Januari 2026 ditangguhkan sehingga selepas perayaan Hari Raya Aidilfitri?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRTC) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

Kerajaan Negeri dimaklumkan oleh pihak MRTC bahawa Jemaah Menteri pada Disember 2024 telah meluluskan siling bajet projek LRT Laluan Mutiara sebanyak RM16.8 bilion.

Kerja-kerja pembinaan projek LRT Laluan Mutiara telah bermula secara rasmi sejak Kontraktor Pakej Sivill Utama 1 (CMC1) iaitu SRS Consortium Sdn Bhd (SRS) telah menerima Notis Mula Kerja (NTP) pada 15 Julai 2025. Kerja pembinaan CMC1 dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2031.

Kontraktor CMC1 telah mengenal pasti tiga (3) lokasi *hotspot* yang akan lebih terjejas akibat pembinaan projek LRT ini, iaitu Jalan Magazine, persimpangan di hadapan Sunny Point di Batu Uban, dan Jalan Sultan Azlan Shah di Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas.

MRTC telah disyaratkan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyediakan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) bagi setiap lokasi stesen bermula dari George Town hingga ke Permatang Damar Laut supaya langkah mitigasi dapat dianalisis dan dilaksanakan dengan lebih terperinci. TMP terperinci yang disediakan oleh MRTC telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada 14 Oktober 2025. Pelan ini sedang dilaksanakan secara berperingkat mengikut lokasi untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas yang tidak dapat dielakkan akibat aktiviti pembinaan di jalan-jalan yang terlibat.

Langkah-langkah mitigasi akan dilaksanakan oleh pihak MRTC untuk meminimumkan impak terhadap trafik sedia ada, memastikan pergerakan kenderaan kekal lancar, dan meningkatkan kecekapan aliran trafik di kawasan-kawasan utama sepanjang tempoh pembinaan LRT Laluan Mutiara.

Pihak MRTC juga akan menyediakan laluan alternatif dan pengalihan trafik yang akan diurus sebagai sebahagian daripada TMP yang diluluskan serta TMP ini juga akan disemak semula dan ditambah baik secara bulanan bagi perancangan masa depan.

Sementara pihak pemaju dan kontraktor akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan kesan projek terhadap keadaan trafik dari semasa ke semasa, pengguna jalan raya dinasihatkan dari masa ke semasa untuk merujuk kepada laman web projek Laluan Mutiara dan media sosial LRT Mutiara Pulau Pinang untuk maklumat TMP dan pengumuman trafik terkini serta menyemak aplikasi navigasi seperti Waze untuk mendapatkan maklumat trafik masa nyata (*real-time*) bagi merancang perjalanan.

Pelaksanaan TMP ini dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2030.

- (a) Pihak MRTTC memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan yang dijadualkan bermula pada Januari 2026 akan diteruskan seperti dirancang, termasuk sepanjang tempoh perayaan Tahun Baru Cina pada bulan Februari dan Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mac. Kerja-kerja pembinaan tidak dapat ditangguhkan mengambilkira jadual pembinaan yang sangat padat bagi mencapai sasaran penyiapan projek pada Disember 2031. Selain itu, sebarang kelewatan dalam mencapai sasaran penyiapan kerja juga akan mencetuskan klausa denda seperti termaktub dalam kontrak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan TMP pada musim perayaan akan disusun agar tidak menjejaskan kelancaran lalu lintas dan keselamatan pengguna jalan raya dalam menghadapi peningkatan trafik musim perayaan berkenaan.